

**SAMBAR BUKIT**  
Hill Blue Flycatcher

FAMILI: Muscicapidae  
NAMA SAINTIFIK: *Cyornis banyumas*



#### **CIRI-CIRI**

Individu jantan daripada spesies ini mempunyai bahagian atas badan yang berwarna biru. Bahagian tekak dan dada berwarna oren dan beransur menjadi putih ke bahagian perut. Bagi individu betina pula, bahagian bawah badan sama seperti individu jantan manakala bahagian atas badannya berwarna coklat manakala bahagian ekor sedikit kemerahan. Individu juvenil betina mempunyai warna yang lebih gelap berbanding individu dewasa dengan corak dada, perut dan bahagian tepi badan yang bersisik. Individu juvenil jantan mempunyai corak bulu seperti juvenil betina dengan warna biru pada sayap dan ekor. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah di antara 14-15.5 sm.

#### **MAKANAN**

Dietnya terdiri daripada serangga.

#### **HABITAT**

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan dipterokarp. Kadangkala, ia juga boleh dijumpai di kawasan yang lebih terbuka seperti taman pada ketinggian kurang dari 1, 220 m dari aras laut.

#### **BUNYI**

Spesies ini mengeluarkan bunyi yang merdu dan bernada tinggi dan biasanya dimulai dengan bunyi *si* atau *tsi* dan *trrt-trrt-trrt*.

#### **PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Mac hingga Julai. Individu betina boleh menghasilkan di antara empat hingga lima biji telur semasa musim pembiakan. Sarangnya berbentuk seperti cawan dan di bina di atas tanah atau pada batang pokok.

#### **STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.